



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Apr 2021
8 Ramadhan 1442h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• 12 pemancing ditahan tangkap ikan di Taman Laut Pulau Aur
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 12 pemancing ceroboh taman laut
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	<ul style="list-style-type: none">• 600 lesen dilulus untuk nelayan sampan Zon A (online)
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	20	20/04/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

12 pemancing ditahan tangkap ikan di Taman Laut Pulau Aur

Mersing: Dua bot Zon A bersama 12 pemancing tempatan ditahan kerana menangkap ikan dalam kawasan Taman Laut Pulau Aur, di sini kelmarin.

Pengarah Perikanan Johor, Noraishah Hashim, berkata kedua-dua bot itu ditahan hasil rondaan rutin pemantauan vessel pantai timur yang dijalankan di perairan Johor Timur oleh Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Johor.

Beliau berkata, hasil siasatan dan pemeriksaan mendapati dua vessel penangkapan ikan zon A itu melakukan kesalahan di bawah seksyen 43, Akta Perikanan 1985 iaitu mengambil, mengalih atau memiliki haiwan akuatik dalam kawasan taman laut.

"Vessel kedua pula ditahan 0.6 batu nautika dari Pantai Pulau Aur membabitkan seorang tekong berusia 62 tahun dan enam pemancing tempatan berusia 49 hingga 75 tahun.

"Vessel kedua pula ditahan 0.6 batu nautika dari Pantai Pulau Aur membabitkan seorang tekong berusia 56 tahun, awak-awak berusia 48 tahun dan enam pemancing berusia 34 hingga 58 tahun.

"Peralatan menangkap ikan turut dirampas dan kes disiasat di bawah Seksyen 43 (1), Akta Perikanan 1985. Jabatan Perikanan Negeri Johor mengingatkan nelayan supaya sentiasa mematuhi syarat lesen kerana Taman Laut Johor diwartakan di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia mulai 1994," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, dalam kejadian berasingan, Noraishah berkata, pihaknya menahan sebuah bot pukat tunda Zon C.

Katanya, bot itu ditahan bersama lima kru termasuk seorang tekong dalam rondaan rutin pemantauan vessel pantai timur di 10.7 batu nautika dari Pantai Tanjung Sekakap kelmarin.

"Mereka yang ditahan terdiri empat awak-awak dan tekong bot warga tempatan berusia 31 hingga 51 tahun. Kesalahan yang dilakukan adalah menjalankan aktiviti menangkap ikan (menunda) pada jarak di bawah 12 batu nautika.

"Turut disita kira-kira 80 kilogram hasil tangkapan seperti sotong dan ikan. Kes disiasat di bawah seksyen 8 (b), Akta Perikanan 1985," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY	25	20/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

12 pemancing ceroboh taman laut

Penahanan mereka disebabkan melakukan aktiviti itu di Pulau Aur

Oleh FARAH SHAZWANI

MERSING

Pada hari ini, 12 pemancing di kawasan taman laut, 12 lelaki ditahan kerana melakukan aktiviti itu di perairan Pulau Aur, di sini malam Ahad.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hashim berkata, penahanan itu melibatkan 15 individu membabitkan 12 pemancing, dua tekong dan seorang awak-awak berusia antara 34 hingga 75 tahun dan dua vesel zon A.

Menurunnya, kesemua mereka ditahan oleh penguaduwa Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor yang

Satu sebuah bot yang ditahan kerana membawa pemancing melakukan aktiviti itu di Taman Laut Pulau Aur, pada Ahad.



Sebahagian daripada hasil tangkapan.

melakukan rondaan rutin pemantauan vesel di perairan Johor Timur.

"Vesel penangkap ikan yang pertama di tahan sekitar jam tiga pagi iaitu 0.5 batu nautika dari Pantai Pulau Aur. Ia melibatkan seorang tekong berusia 56 tahun, seorang awak-awak berusia 48 tahun dan enam pemancing berusia antara 34 hingga 58 tahun.

"Kedua-dua bot dan peralatan menangkap ikan turut disita

dan akan disiasat di bawah Seksyen 43 (1), Akta Perikanan 1985."

"Sementara vesel kedua ditahan pada jarak 0.6 batu nauti-

ka dari Pantai Pulau Aur, melibatkan seorang tekong berusia 56 tahun, seorang awak-awak berusia 48 tahun dan enam pemancing berusia antara 34 hingga 58 tahun.

"Kedua-dua bot dan peralatan menangkap ikan turut disita dan akan disiasat di bawah Seksyen 43 (1), Akta Perikanan 1985."

"Katanya dalam satu ke-

lesan agar tidak menjadikan sumber perikanan negara yang perlu dirusak secara lesan.

"Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 43, Akta Perikanan 1985 untuk mengambil, mengalih atau memiliki haiwan akufik dalam kawasan berkenaan.

"Kita ingin mengingatkan nela-

yan agar semasa mematuhi syarat

lesen agar tidak menjadikan sumber perikanan negara yang perlu dirusak secara lesan.

"Taman Laut Johor telah diwartakan di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia mulai 1994 dan diharapkan semua pihak mengambil tahu kepentingan pelindungan taman laut dan tidak sewenang-wenangnya meninggar peraturan yang telah ditegakkan," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO I	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				ONLINE	20/04/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI HARAKAH					
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

600 lesen dilulus untuk nelayan sampan Zon A

April 20, 2021



PENANTIAN puluhan tahun nelayan sampan Zon A untuk memiliki lesen berakhir jua. Dari jumlah 600 lesen yang diluluskan untuk Negeri Terengganu, kita mulakan agihan secara berperingkat daerah demi daerah setelah semua urusan teknikal diselesaikan bermula dengan Daerah Besut dan Setiu.

Masih kami ingat bagaimana kami bekerja memikul harapan besar para nelayan dengan penuh tersusun. Bermula dari menubuhan Jawatankuasa Task Force Lesen Nelayan, mengadakan mesyuarat demi mesyuarat sehingga dikeluarkan pemutihan senarai nelayan-nelayan yang perlu dipertimbangkan bersama Jabatan Perikanan, LKIM dan Persatuan Nelayan Kawasan.

Akhirnya disiapkan kertas untuk diangkat kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Kita tapis seramai 800 pemohon yang layak, Kerajaan Negeri yang angkat permohonan bagi pihak rakyat bukan rakyat angkat sendiri. Disusuli beberapa pertemuan dan perbincangan dengan Menteri MAFI serta HQ Jabatan Perikanan. Akhirnya dari 800 permohonan, kita diberikan kelulusan peringkat pertama sebanyak

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 20/04/2021
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI HARAKAH			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

600 lesen. Baki 200 kita susuli dengan rayuan fasa kedua. Telah hampir 40 tahun tiada kelulusan besar-besaran seperti ini diberikan.

Tiada kepuasan yang lebih besar sebagai pemimpin lebih dari kita dapat menunaikan hasrat rakyat kita yang dinafikan sejak puluhan tahun lalu. Ramai nelayan yang ke laut sejak remaja sampai tua tapi masih belum memiliki lesen.

Tanpa lesen mereka ibarat cari rezeki secara haram, dinafikan hak elauan sara hidup nelayan, minyak subsidi dan bantuan bencana nelayan. Terengganu adalah negeri yang pertama diberikan kelulusan khas lesen nelayan secara besar-besaran sekali gus. Terima kasih semua. Tiada kata mampu menggambarkan kepuasan dan kegembiraan ini.

YB DR AZMAN IBRAHIM

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri Terengganu

– **HARAKAH DAILY** 20/4/2021